

# Memang fitnah: PM

Oleh Saniboev Ismail dan Zamberi Othman

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur perbuatan pihak tertentu yang menabur fitnah apabila gagal mendapatkan tender sesuatu projek dan menyifatkan tindakan itu tidak akan menyelesaikan sebarang masalah.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan tidak dapat memenuhi kehendak semua pihak, sama ada melalui cara tender terhad atau tender terbuka dalam setiap projek yang hendak dilaksanakan.

Katanya, pihak yang gagal mendapat tender projek selalu menuduh kerajaan bersikap pilih kasih, berat sebelah dan berlaku amalan rasuah dan apabila mereka berjaya

di masa lain, pihak lain pula yang akan menuduh begitu.

"Setiap kali ada tender dan pemberian *award* kepada sesiapa, esoknya saya terima surat mengatakan orang ini tidak betul, orang itu tidak betul.

"Kerajaan serba salah, kita hendak buat cara betul dengan membuka kepada semua orang dan tentu ada yang tidak dapat.

"Jadi orang yang tidak dapat selalu tuduh ada rasuah, ada pilih kasih. Esok apabila dia dapat orang lain pula kata begitu. Saya dengar tuduhan itu dan ia memang fitnah.

"Siapa pun mendapat tender mesti ada tuduhan," kata-

nya kepada *Majlis Harian* di majlis rumah terbuka Datuk Bandar, Tan Sri Elyas Omar, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas perbuatan pihak tertentu yang menabur fitnah, kononnya kerajaan mengamalkan pilih kasih dan campur tangan luar dalam pemberian tender membekal empat juta talian digital bernilai \$2 bilion.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yakin dengan tugas pegawai yang mengendalikan urusan teknikal, termasuk pemberian tender kerana mereka diberi kepercayaan melaksanakannya.

Menurutnya, urusan pem-

berian tender adalah perkara teknikal dan kerajaan sentiasa menerima pendapat daripada pegawai yang ditugaskan.

"Saya bukan orang teknikal. Saya kena percaya kepada pegawai yang ditugaskan menentukan perkara teknikal. Kalau mereka beri pendapat, kita kena terima," katanya.

Semalam, Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menafikan dakwaan syarikat antarabangsa yang gagal mendapat tender berkenaan kononnya berlaku penyelewengan dalam pemberian tender itu kepada lima syarikat usahasama tempatan dan antarabangsa.